



SEKOLAH RIVERSIDE, CAWANGAN MASIN

KERJA RUMAH/ULANG KAJI PA2

TAHUN 5

TAJUK: IMBUHAN

Arahan: Pilih imbuhan yang sesuai bagi ayat yang disediakan di bawah.

1. Bunga itu ____kembang dengan mekarnya pada waktu malam. (ke-, ber-, ter-)
2. Mereka saling ____maaf____ di pagi Syawal setelah pulang dari menunaikan sembahyang sunat di masjid. (ber-an, ke-an, pem-an)
3. "Lukisan yang ____cantik akan menerima hadiah," kata Cikgu Umi kepada muridnya. (ber-, ter-, ke-)
4. Kristal FM akan ____main____ lagu-lagu permintaan pada sebelah petang nanti. (ke-an, ber-an, me-kan)
5. Pinggan yang jatuh itu pecah ____tabur____ di atas lantai dan adik pun dimarahi oleh ibu. (ke-an, ber-an, pe-an)
6. Pengemis itu tidur ____selimut____ surat khabar. (ber-kan, be-kan, ke-an)
7. Raziqa ____cas telefonnya lalu membersihkan bilik tamu. (men-, menge-, mem-)
8. Abang ____letak____ kotak itu di atas meja makan. (ke-an, ber-kan, me-kan)
9. ____kaya____ pemuda itu menjadi tanda tanya kerana dia langsung tidak bekerja. (ke-an, per-an, ber-kan)
10. Minuman sejuk itu telah ____buat oleh kakak Humairah. (di-, ter-, ber-)